

<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

03
DEC

PERSEMBAHAN KHAS "TRIBUTE TO YUS JAMBU" GANTI LAWAK UTAGHA 2

PULAU PINANG, 2 Disember 2015 - Pihak Dewan Budaya Universiti Sains Malaysia (USM) dan Persatuan Teater Resdong's telah bersepakat untuk membatalkan persembahan teater 'LAWAK UTAGHA 2' berikutan dengan pemergian Allahyarham Yus Jambu.

Susulan itu, pihak penganjur bersepakat untuk menggantikan 'LAWAK UTAGHA 2' dengan sebuah persembahan teater khas untuk mengenang Allahyarham Yus Jambu pada tarikh tersebut.

Tuan-tuan dan puan-puan yang telah membeli tiket 'LAWAK UTAGHA 2' bolehlah menghubungi 019-4587813/ 012-5618434 untuk mendapatkan pulangan wang anda.

Persembahan teater khas untuk mengenang Pak Yus akan diadakan di Dewan Budaya USM pada 26 dan 27 Disember 2015, jam 8.30 malam dan tiket berharga RM15 untuk seorang.

Sila hubungi talian 019-4587813/ 012-5618434 untuk maklumat lanjut berkaitan perkara ini.

Teks : Hafiz Meah Ghouse Meah



Share This

